

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
[KUALA KRAI]

DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [KUALA KRAI] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mengawal selia (*supervise*) perniagaan *Multi-Level Marketing* (MLM) yang semakin menular dikalangan pengguna awam, untuk mengelakkan berlakunya skim Ponzi atau skim cepat kaya yang akan memberi kesan kepada pengguna.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian telah mengambil beberapa langkah dalam mengawal selia perniagaan jualan langsung khususnya *Multi-Level Marketing* (MLM) bagi mengelak daripada berlakunya penyelewengan dan manipulasi oleh syarikat-syarikat berkenaan yang boleh memberi kesan kepada pengguna seperti berikut:

- (i) membuat penelitian terhadap permohonan yang dikemukakan untuk mendapatkan lesen jualan langsung termasuk pelan pemasaran serta latar belakang pengarah dan pemegang saham syarikat;
- (ii) membuat semakan ke atas pelan pemasaran yang akan diguna pakai oleh syarikat bagi memastikan modus operasi syarikat tidak mengandungi unsur-unsur yang tidak dibenarkan;
- (iii) melaksanakan naziran dan pemeriksaan ke atas premis syarikat dalam tempoh enam (6) bulan selepas diluluskan lesen jualan langsung bagi memastikan syarikat menjalankan perniagaan. Perhatian serius akan ditumpukan kepada pelan pemasaran dan produk/perkhidmatan yang dibekalkan oleh syarikat supaya ianya adalah sama seperti kelulusan yang telah diberikan. Selain itu, pemeriksaan berkala juga dilakukan oleh Pejabat-pejabat Cawangan Kementerian di peringkat Negeri dan Daerah bagi memastikan syarikat beroperasi mengikut peruntukan undang-undang; dan
- (iv) mengadakan sesi advokasi secara berterusan di seluruh negara bagi meningkatkan pengetahuan dan kesedaran orang ramai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
[KUALA KRAI]

SOALAN :-

Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [KUALA KRAI] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan langkah-langkah penguatkuasaan yang telah dikenakan ke atas Pemberi Wang Berlesen (Licensed Moneylender) dalam usaha untuk mengelakkan amalan tidak beretika seperti Ah Long dan juga untuk mengurangkan kadar keberhutangan rakyat.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa memastikan pemberi pinjam wang (PPW) yang dilesenkan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Pindaan) 2011 [Akta 400] dan Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) 2003 yang beretika sahaja beroperasi di negara ini. Untuk itu, tindakan penguatkuasaan seperti berikut akan diteruskan:-

i) **Pemantauan Berkala Dan Pemeriksaan Mengejut/Serbuan Premis PPW Berlesen**

Semua premis PPW berlesen akan dipantau secara berkala sekurang-kurangnya sekali dalam dua (2) tahun manakala pemeriksaan mengejut dan serbuan dibuat berdasarkan keperluan. Ini bertujuan bagi memastikan aktiviti pinjam wang yang dilaksanakan adalah teratur dan mengikut perundangan Akta 400

serta ketetapan lain oleh Pendaftar Pemberi Pinjam Wang dan mereka yang melanggar mana-mana perundangan di atas diambil tindakan sewajarnya. Bagi maksud ini, satu senarai semak standard diguna pakai dan pegawai yang membuat pemantauan/ pemeriksaan/ serbuan serta pengarah/ pengurus syarikat pemberi pinjam wang berlesen berkenaan dikehendaki menandatangani akuan integriti supaya tiada salah laku rasuah yang menjejaskan integriti tindakan penguatkuasaan tersebut.

Setakat 31 Oktober 2014, bilangan pemegang lesen yang telah didakwa dan disabitkan kesalahan di bawah Akta 400 adalah seramai 70 orang dan kesemua mereka telah membayar denda yang dikenakan. Manakala 134 siasatan sedang dijalankan ke atas aduan mengenai pelbagai salah laku pemberi pinjam wang berlesen dan izin dakwa akan didapatkan daripada Timbalan Pendakwa Raya sekiranya terbukti ada kesalahan dilakukan.

ii) Kawalan Pengeluaran Lesen PPW

Tindakan juga diambil bagi memastikan lembaga pengarah syarikat

pemberi pinjam wang berlesen adalah terdiri daripada individu yang layak dan sesuai (*fit and proper*) selaras dengan peruntukan Seksyen 9, Akta 400. Sebelum dilantik, mereka dikehendaki menjalani tapisan polis dan mendapatkan pengesahan status daripada Jabatan Insolvensi supaya bebas daripada melakukan kesalahan melibatkan penipuan, ketidakjujuran atau kesalahan di bawah Kanun Keseksaan serta bukan seorang yang diisytiharkan mufliis. Semakan juga dibuat bagi kesalahan di bawah Akta Pencegahan Pengubah Wang Haram dan Pencegahan Pembiayaan Keganasan [Akta 613] berdasarkan senarai yang diedarkan oleh Bank Negara Malaysia. Individu yang gagal mana-mana peringkat tapisan tersebut tidak dibenarkan untuk dilantik sebagai pengarah mana-mana syarikat pemberi pinjam wang berlesen di negara ini.

Manakala untuk mengurangkan kadar keberhutangan rakyat, memandangkan tiada peruntukan spesifik di dalam Akta 400 yang menghadkan nilai pinjaman maksimum serta tempoh bayaran balik yang dipersetujui bersama, peminjam hendaklah bijak dalam menilai

kemampuan diri untuk membayar balik pinjaman serta memilih pemberi pinjam wang berlesen yang pada pandangannya mengenakan kadar faedah yang munasabah. Dalam konteks ini, Akta 400 melalui Seksyen 17A(1) hanya menetapkan bahawa kadar faedah pinjaman tidak melebihi 12% setahun bagi pinjaman bercagar dan tidak melebihi 18% setahun bagi pinjaman tidak bercagar.

Peraturan 10(1) Akta 400 pula menetapkan bahawa setiap pemberi pinjam wang dan peminjam perlu menandatangani borang perjanjian (Jadual J bagi pinjaman tidak bercagar dan Jadual K bagi pinjaman bercagar) dalam mana tercatat dengan jelas akan kadar faedah (*interest rate*) yang dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab peminjam untuk memastikan kesemua ruangan dalam borang perjanjian tersebut dilengkapkan sepenuhnya dan dimatikan setem.

Untuk menjaga kepentingan peminjam juga, Seksyen 27, Akta 400 mengkehendaki perjanjian berkenaan diaku saksi di hadapan seorang Peguambela dan Peguamcara di Mahkamah Tinggi atau Pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan atau Pesuruhjaya Sumpah atau Pegawai Daerah atau Jaksa Pendamai atau orang perseorangan

yang dilantik oleh Menteri bertanggungjawab. Pengaku saksi ini perlu menerangkan serta menasihatkan peminjam tentang kandungan perjanjian yang ditandatangani dan obligasinya sebagai peminjam.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014